

08 SEP 2001

Mahathir-Matawang

THAILAND MINTA DIPERCEPATKAN PENGGUNAAN GUNA MATAWANG SENDIRI

PUTRAJAYA, 8 Sept (Bernama) -- Thailand meminta supaya penggunaan matawang negara itu dan matawang Malaysia bagi perdagangan antara kedua-dua negara dipercepatkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata permintaan itu dibuat oleh rakan sejawatannya Thaksin Shinawatra semasa perjumpaan tertutup antara kedua-dua pemimpin itu selama setengah jam di kediaman rasmi Dr Mahathir di sini.

"Dia (Thaksin) nak supaya dagangan antara Malaysia dan Thailand menggunakan matawang sendiri dipercepatkan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Thaksin yang tiba di ibu negara untuk lawatan sehari.

Buat masa ini perdagangan antara kedua-dua negara menggunakan dolar Amerika.

Malaysia dan Thailand pada 27 Julai lepas memeterai memorandum persefahaman dengan bank pusat kedua-dua negara -- Bank Negara Malaysia dan Bank of Thailand

-- diarah memeterai Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) sebelum akhir Ogos.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan peraturan dan penjelasan, sebanyak 14 barangan Malaysia dan 20 barangan dari Thailand yang diniagakan antara kedua-dua negara dibayar dalam bentuk ringgit atau baht bermula bulan ini.

BPA yang dimeterai itu merupakan yang pertama antara kedua-dua negara Asean itu dengan bank pusat kedua-dua negara akan mengadakan kemudahan kredit dalam bentuk dua matawang berkenaan.

Dr Mahathir berkata perbincangan antara beliau dan Thaksin turut menyentuh mengenai projek Saluran Gas Trans-Thai Malaysia bernilai RM3 billion yang akan dihubungkan dari Selatan negara itu ke Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata Perdana Menteri Thailand meminta agar projek itu disegerakan.

"Tak tahu bila cuma dia nak percepat. Dia sendiri nak tentukan supaya dia boleh laksanakan projek (saluran gas)," katanya.

Projek saluran gas itu turut menjadi isu perbincangan antara pemimpin kedua-dua negara itu semasa Thaksin melawat Malaysia pada April lepas.

Projek pembangunan bersama medan gas Cakerawala merupakan projek usahasama 50-50 Malaysia dan Thailand yang dikendalikan Petronas dan Lembaga Petroleum Thailand (PTI).

Petronas sepatutnya membeli gas daripada projek itu melalui fasa pertama pengeluaran mulai Julai 2002. Bagaimanapun, berikutan kelewatan mendapatkan kelulusan Kesan Penilaian Alam Sekitar (EIA) bagi mendapatkan permit pembinaan, Petronas dijangka tidak dapat membelinya mengikut tarikh yang dijadualkan.

Selain itu, Dr Mahathir berkata permintaan Malaysia menunda sehingga 2005 kemasukan produk unit kenderaan siap bina (CBU) dan unit terurai (CKD) dalam Skim Keistimewaan Tarif Berkesan Sama Rata (CEPT) bagi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) turut dibincangkan semasa perjumpaan itu.

Penangguhan dari 2003 ke 2005 itu bertujuan memberi tempoh masa untuk mengatur rapi industri pengeluaran kenderaan di negara sebelum membuka pasaran kenderaannya kepada anggota-anggota Asean yang lain.

CEPT adalah mekanisme pelaksanaan bagi AFTA, pasaran serantau tunggal di kalangan perkumpulan 10 anggota Asean yang akan beroperasi mulai 2003.

-- BERNAMA
ZAI KHY PR